

28 MAR 1997

Mahathir-Singapura

LAPORAN M'SIA BEKU HUBUNGAN BARU DENGAN SINGAPURA TAK BENAR: MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata laporan media bahawa Malaysia membekukan hubungan baru dengan Singapura tidak benar.

RTM dalam siaran berita pukul 6 petang ini melaporkan bahawa Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita pada akhir lawatannya ke Osaka Jepun.

Menurut siaran berita itu, Dr Mahathir juga berkata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menghubunginya semalam. RTM tidak menyatakan tujuan Anwar berbuat demikian tetapi ia dipercayai untuk memberi penjelasan mengenai keputusan mesyuarat Kabinet Rabu lepas.

Media tempatan melaporkan bahawa Kabinet pada mesyuarat mingguannya itu telah memutuskan untuk membekukan urusan dua hala baru dengan Singapura berikutan perbalahan diplomatik yang tercetus ekoran kenyataan Menteri Kanannya Lee Kuan Yew mengenai Johor.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha yang juga Pemangku Menteri Luar dalam kenyataannya semalam mengesahkan Kabinet telah membincangkan beberapa isu mutakhir berkaitan hubungan Malaysia dengan Singapura.

Beliau bagaimanapun menegaskan apa yang dilaporkan media massa mengenai hubungan tersebut adalah "kurang tepat" dan tiada keputusan dibuat untuk membekukan hubungan dengan Singapura. -- BERNAMA

ZKS NMO